



PROGRAM CAREER MEET UP

Program Career Meet Up merupakan satu program di bawah Unit Kerjaya, Pusat Kerjaya dan Kaunseling. Program ini diwujudkan bagi membolehkan kaunselor kerjaya untuk bertemu dan juga berbincang dengan majikan dan pihak industri. Tujuan program ini juga untuk membina rangkaian (networking) bersama majikan dan industri selain dapat bertukar-tukar maklumat tentang kerjaya dan juga untuk berkolaborasi dengan mereka.



Pada 21 Januari 2022, seramai 4 pegawai daripada Pusat Kerjaya dan Kaunseling dan 2 wakil daripada pihak **Prosple** telah bertemu secara maya melalui platform Zoom. Hasil perbincangan antara majikan telah menetapkan untuk menjalinkan kerjasama dengan Pusat Kerjaya dan Kaunseling dari segi pembangunan kerjaya pelajar.

Pada 31 Januari 2022, seramai 5 pegawai daripada Pusat Kerjaya dan Kaunseling dan 1 wakil daripada pihak **Graduan** telah bertemu secara maya melalui platform **Google Meet**. Pihak **Graduan** akan membantu dari segi menghebahkan program berkaitan kerjaya yang bermanfaat buat graduan dan pelajar UiTM.


Pada 10 Februari 2022, seramai 3 pegawai daripada Pusat Kerjaya dan Kaunseling dan 2 wakil daripada pihak **Qwork** telah bertemu secara maya melalui platform **Google Meet**. Perbincangan ini meliputi menyediakan peluang kepada para pelajar untuk terlibat dalam **Gig Economy** yang dapat membantu kebolehpasaran graduan terutamanya sewaktu pandemik ini.



Pada 4 Mac 2022, Seramai 3 pegawai daripada Pusat Kerjaya dan Kaunseling dan 2 wakil daripada pihak **Levelove** telah bertemu secara fizikal di pejabat Pusat Kerjaya dan Kaunseling.

Pada 9 Mac 2022, Seramai 4 pegawai daripada Pusat Kerjaya dan Kaunseling dan 2 wakil daripada pihak **Kliqxe** telah bertemu secara maya melalui platform **Google Meet**.

Pada 11 Mac 2022, Seramai 5 pegawai daripada Pusat Kerjaya dan Kaunseling dan 2 wakil daripada pihak **Maybank** telah bertemu secara maya melalui platform **Zoom**.



Syarikat Terlibat dalam Career Meet Up sepanjang Jan - Mac 2022 :

1. Prosple
2. Graduan
3. Qwork
4. Levelove
5. Kliqxe
6. Maybank



PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 5, Kompleks Budiswa
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

 03 - 5544 2630/2379/3211/3496

 pkk@uitm.edu.my

